



## PEMAKLUMAN

# CIDB PERUNTUKKAN RM7 JUTA SUBSIDI UJIAN COVID-19 PERSONEL BINAAN ASING BERDAFTAR

1 MAC 2021

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperuntukkan RM7 juta subsidi untuk ujian saringan COVID-19 pekerja pembinaan warga asing berdaftar.

Subsidi sebanyak RM50.00 diberi untuk setiap Personel Binaan Asing yang mempunyai Pendaftaran Personel Binaan CIDB yang sah bagi menjalani ujian saringan COVID-19 yang diuruskan oleh CIDB Holdings Sdn Bhd (anak syarikat CIDB) melalui klinik panel tersenarai.

Ujian COVID-19 di bawah program subsidi ini boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu saringan di tapak bina (sekiranya melebihi 30 permohonan) dan saringan secara pandu lalu. Keputusan ujian saringan ini akan diperolehi dalam masa 30 minit. Kos ujian sebenar yang ditetapkan adalah sebanyak RM100 di mana bagi personel binaan asing berdaftar, RM50 akan ditanggung oleh CIDB. Manakala bagi personel binaan asing tidak berdaftar, caj penuh RM100 akan dikenakan.

Subsidi ini adalah bertujuan untuk meringankan beban kewangan penggiat industri pembinaan tempatan. Ia juga selari dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk memutuskan rantaian penularan COVID-19 dan menggalakkan majikan menghantar pekerja mereka untuk mendapatkan ujian saringan COVID-19. CIDB juga berharap insentif ini dapat menggalakkan lebih ramai personel binaan yang tidak berdaftar untuk tampil mendaftarkan diri secara sukarela kepada CIDB.

Pendaftaran untuk ujian saringan COVID-19 boleh dibuat di <https://www.cswms.com.my/>. Untuk maklumat lanjut, hubungi 03-40428880 (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang).